

01/04/2002

Pasangan baharui lafaz kahwin naik belon panas

PETALING JAYA, Ahad - Pasangan cacat anggota, Ng Peng Wai, 38 dan Sia Siew Chin, 36, mencatat sejarah apabila memperbaharui lafaz perkahwinan di paras 18.29 meter dengan menaiki belon udara panas di kawasan lapang dekat SS23 di sini, hari ini.

Peristiwa itu yang disaksikan kira-kira 5,000 tetamu termasuk saudara mara dan rakan pasangan itu, turut dicatat dalam Malaysia Book of Records. Turut hadir, Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir dan Pengarah Urusan/Pengasas Malaysia Book of Records, Danny Ooi.

Ng, pembuat kraftangan berasaskan dawai dan isterinya, Sia - Pengarah Beautiful Gate Disabled People Caring Centre, membuat keputusan menaiki belon udara panas bagi menjadikan peristiwa itu lebih bermakna.

Ditanya kenapa mereka memperbaharui lafaz perkahwinan setelah lapan tahun berkahwin, Sia berkata, mengikut kepercayaan, angka tujuh melambangkan sebuah perkahwinan yang sempurna manakala angka lapan membawa tuah.

"Kami mahu membuka lembaran baru dalam perkahwinan setelah lapan tahun berkahwin kerana pada awal perkahwinan, kami melalui keadaan yang agak sukar terutama untuk menyesuaikan diri dan berharap selepas ini ia akan bertambah baik," katanya.

Sia yang menghidap penyakit keturunan, iaitu distrofi otot, bertemu suaminya, seorang pesakit polio di kem orang kurang upaya di Cameron Highlands pada 1992 dan pasangan itu berkahwin dua tahun kemudian. Pasangan itu mempunyai seorang anak perempuan normal, Ng Pui Yarn, berusia tiga tahun.

Ooi pula berkata, memperbaharui lafaz perkahwinan di atas belon udara gergasi bukan mustahil untuk diikuti golongan kurang upaya lain.

(END)